# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI HALIM MAZMIN BERHAD KUALA LUMPUR

DISEDIAKAN OLEH :
AINOOR NELLISSA BT. ABD. HADI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
( MARITIM )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
( KUSTEM )

2005

CN: 2255

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039883

Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia
Perpustakaan

LI 6 FPE 2 2005

1100039883
Laporan akhir latihan industri di Halim Mazmin Berhad, Kual Lumpur / Ainoor Nellissa Abd Hadi.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039883

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI
6
FPE
2
2005

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI HALIM MAZMIN BERHAD KUALA LUMPUR

Disediakan Oleh :

**AINOOR NELLISSA ABD. HADI**
**SARJANA MUDA PENGURUSAN**
**( MARITIM )**

Laporan Latihan Industri Diserahkan kepada :

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
**Fakulti Pengurusan Ekonomi**
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
( KUSTEM )

**2005**

1100039883

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **AINOOR NELLISSA BT ABD HADI**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Dimaklumkan di sini Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Yang benar,

______________________

Nama : Ainoor Nellissa bt Abd Hadi

Tarikh : ...27 NOVEMBER 2005...

Disahkan oleh:

27/11

______________________

Prof Madya Dr. Abdul Razak Kamaruddin
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM.

**PENGHARGAAN**

***BISMILLAH HIRAHMANI RAHIM***

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izinNya dapat juga saya siapkan laporan ini dengan jayanya pada masa yang telah ditetapkan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Abd Razak b. Kamaruddin selaku penyelia latihan industri KUSTEM di atas segala bantuan, tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan sebelum dan sepanjang tempoh saya di bawah penyeliaan beliau. Ucapan terima kasih juga diucapkan di atas kesudian beliau memberi tunjuk ajar dan garis panduan kepada saya dalam tempoh menyiapkan laporan ini. Segala kerjasama beliau amatlah dihargai.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada pihak kakitangan HALIM MAZMIN BERHAD di atas kesudian pihaknya mengambil saya untuk menjalani latihan industri di sana, terutamanya Tan Sri Dato' Halim Mohammad selaku pengarah eksekutif dan pengarah urusan kerana memberi peluang untuk menyelami bidang pekerjaan yang sebenar di sebuah organisasi yang stabil dan mantap.

Tidak ketinggalan juga kepada pihak-pihak yang terlibat sepanjang tempoh saya menjalani latihan industri terutamanya kepada penyelia industri iaitu En. Othman b. Samat. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan memberi peluang kepada pelatih untuk merasai keadaan sebenar bidang pekerjaan. Selain itu, terima kasih juga kepada kakitangan-kakitangan Halim Mazmin Berhad yang turut memberikan kerjasama yang jitu terutamanya di Bahagian Operasi dan Pengurusan Kapal iaitu kepada En. Hisham Halim, Capt. Rajandrunk Kuppusamy, Capt. Sashi Harinarayanan, Mr Toshio Miyauchi, En. Che Khamsah, En Maizul Arshad, Cik Haryanty Raduan, Pn Raja Berlina Raja

Arifin, Mr Andrew Rohan, Pn Doria, Kayathri, Ms Janice Poon, Ms Mandy Ooi serta En Wan Azimi. Mereka telah banyak membantu dari segi nota-nota serta tunjuk ajar tentang operasi-operasi kerja. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat secara langsung dalam memberi maklumat-maklumat berkaitan operasi kerja di Halim Mazmin Berhad.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada jawatankuasa latihan industri kerana telah bertungkus lumus bekerja bagi melancarkan lagi proses latihan industri ini. Seterusnya, tidak lupa juga kepada sahabat saya yang sama-sama berada di samping saya sepanjang tempoh latihan industri iaiti Nor Zurina Tahir kerana banyak membantu serta bekerjasama dalam pencarian maklumat sepanjang tempoh di sana. Segala kenangan dan memori suka duka yang di lalui bersama sepanjang kita di latihan industri tetap terpahat di hati.

Akhir sekali, tidak lupa juga terima kasih diucapkan kepada keluarga, mama, papa dan baba serta sahabat baik, Suraya Hani Samsudin yang turut membantu dan memberi sokongan,dorongan dan galakan ketika susah senang saya semasa menjalani latihan industri.

# ISI KANDUNGAN


| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | ii |
| Isi Kandungan | iv |
| Senarai Jadual | vi |
| Ringkasan Eksekutif | vii |

**BAB SATU : LATAR BELAKANG ORGANISASI**

| | | |
|---|---|---|
| 1.0 | Pengenalan | 1 |
| 1.1 | Profil Syarikat Halim Mazmin Berhad | 4 |
| | 1.1.1 Latar Belakang | 4 |
| | 1.1.2 Senarai kapal milik organisasi | 7 |
| | 1.1.3 Logo Syarikat | 8 |
| 1.2 | Aktiviti Kumpulan Korporat Halim Mazmin Berhad | 9 |
| 1.3 | Struktur Kumpulan Korporat | 12 |
| 1.4 | Misi, Matlamat Korporat dan Nilai Korporat | 13 |
| 1.5 | Maklumat Organisasi | 14 |
| 1.6 | Senarai Nama Kakitangan Halim Mazmin Berhad | 15 |
| 1.7 | Carta Organisasi Halim Mazmin Berhad | 17 |
| 1.8 | Fungsi dan Aktiviti Bahagian | 18 |
| | 1.8.1 Bahagian Sumber Manusia | 18 |
| | 1.8.2 Bahagian Pembangunan Perniagaan | 19 |
| | 1.8.3 Bahagian Operasi dan Pengurusan Kapal | 21 |
| | 1.8.4 Bahagian Pentadbiran | 26 |
| | 1.8.5 Bahagian Kewangan | 26 |
| 1.9 | Kekuatan Organisasi | 27 |
| | 1.9.1 Pihak Pengurusan dan Kakitangan | 27 |
| | 1.9.2 Prinsip Syarikat | 28 |
| | 1.9.3 Kewangan | 29 |

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1.9.4 Anak Syarikat 29
1.9.5 Sistem 30
1.9.6 Peluang 30
10.1 Rangkaian Cawangan Syarikat dan Pelabuhan di bawah Perkhidmatan Halim Mazmin Berhad di Malaysia 31
10.2 Rangkaian Pelabuhan Antarabangsa di bawah Perkhidmatan Halim Mazmin Berhad 32

**BAB DUA : PENILAIAN SISTEM**

2.0 Pengenalan 33
2.1 Sistem Maklumat Krew 34
2.1.1 Pengenalpastian Masalah 39
2.1.2 Cadangan Penyelesaian 41
2.1.3 Implikasi Perlaksanaan dan Kesan 42
2.2 Sistem Pembayaran 43
2.2.1 Pengenalpastian Masalah 46
2.2.2 Cadangan Penyelesaian 47
2.2.3 Implikasi Perlaksanaan dan Kesan 48
2.3 Sistem Kehadiran Pekerja 50
2.3.1 Pengenalpastian Masalah 52
2.3.2 Cadangan Penyelesaian 53
2.3.3 Implikasi Perlaksanaan dan Kesan 53

**BAB TIGA : PENUTUP**

3.0 Rumusan dan Cadangan Keseluruhan 55
3.1 Cadangan Latihan Industri 58

**RUJUKAN**

**LAMPIRAN**

## SENARAI RAJAH


| PERKARA | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| Rajah 2.1 | Carta Aliran Sistem Maklumat Krew | 38 |
| Rajah 2.2 | Carta Aliran Sistem Pembayaran | 45 |
| Rajah 2.3 | Carta Aliran Sistem Kehadiran Pekerja | 51 |

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri (LI) merupakan suatu komponen subjek yang sangat penting dalam program pengajian di FPE. Melalui latihan industri, pelatih dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi tentang teori dan pengajaran yang dipelajari disamping mengaplikasikan teori yang dipelajari denagn kuliah dengan realiti alam pekerjaan. Selain itu, melalui latihan industri ini, pelatih turut didedahkan dengan alam pekerjaan di mana pelatih akan memperolehi pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing. Halim Mazmin Berhad adalah sebuah organisasi di mana pelatih telah berpeluang menjalani latihan industri. Halim Mazmin Berhad merupakan sebuah syarikat perkapalan yang ditubuhkan pada 16 Januari 1995 di Kuala Lumpur. Aktiviti utamanya ialah memiliki kapal, pengurusan kapal, penyewaan kapal dan broker kapal. Sepanjang berada di Halim Mazmin Berhad, pelatih telah ditempatkan di beberapa bahagian seperti bahagian Sumber Manusia, bahagian Pembangunan Perniagaan, Bahagian Kewangan dan bahagian Operasi dan Pengurusan Kapal. Di bahagian Operasi dan Pengurusan Kapal terdapat beberapa jabatan lain seperti jabatan belian, jabatan agensi, jabatan logistik, jabatan chartering dan jabatan hal ehwal krew. Selama 12 minggu latihan industri pelatih ditempatkan di bahagian Operasi dan Pengurusan Kapal lebih 2 bulan. Sepanjang tempoh itu, pelatih telah dapat mengenalpasti beberapa masalah iaitu di jabatan hal ehwal krew di mana berkaitan dengan pencarian maklumat krew. Selain itu, di bahagian Kewangan di mana pelatih dapat mengesan masalah seperti kelewatan pembayaran oleh pelanggan. Seterusnya di bahagian Sumber Manusia masalah mengenai sistem kedatangan pekerja. Berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat, pelatih telah mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan masalah ini terjadi. Punca-punca kepada masalah ini sekiranya tidak di atasi akan menyebabkan sistem kerja terganggu dan sekaligus menjejaskan prestasi syarikat. Justeru itu, menerusi laporan ini, pelatih turut memberikan beberapa cadangan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Secara keseluruhannya, pelatih berharap hasil daripada penemuan yang dijalankan oleh pelatih terhadap sistem kerja di Halim Mazmin Berhad dan cadangan yang diberikan akan dapat membantu pihak pengurusan menyelesaikan masalah yang timbul dan menjalani sistem kerja yang lebih efektif dan produktif.